




MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2021

## Sejarah (940)



# KANDUNGAN

Sejarah (940/1) .....	<b>1 – 2</b>
Sejarah (940/2) .....	<b>3 – 4</b>
Sejarah (940/3) .....	<b>5 – 6</b>

# SEJARAH (940/1)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 22 017 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 67.41% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.56	4.71	5.41	8.71	12.04	14.86	16.12	6.41	3.02	5.85	17.31

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak mengetahui fakta yang dikehendaki oleh soalan.
- Calon memberikan jawapan yang ringkas dan umum.
- Calon yang lemah tidak dapat menyediakan jawapan esei yang lengkap seperti bahagian pendahuluan, perbincangan isi jawapan dan kesimpulan jawapan.

### *Komen soalan demi soalan*

#### **Soalan 1**

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan struktur masyarakat feudal di Jepun pada abad ke-16 dan abad ke-17. Jawapan calon yang baik ialah menghuraikan struktur masyarakat feudal di Jepun yang terdiri daripada golongan pemerintah dan juga golongan yang diperintah. Struktur masyarakat feudal di Jepun terdiri daripada tujuh susun lapis masyarakat. Namun begitu, terdapat calon yang kurang pengetahuan tentang struktur masyarakat feudal di Jepun dan hanya membincang struktur masyarakat feudal di England.

#### **Soalan 2**

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perkembangan sistem pemerintahan raja berperlembagaan di England dari tahun 1600 hingga 1699. Jawapan calon perlu merangkumi proses perubahan pemerintahan raja mutlak kepada raja berperlembagaan bermula dari era pemerintahan Raja Charles II, Raja James II, William of Orange dan Mary. Calon perlu menghuraikan pelbagai akta yang diluluskan oleh parlimen seperti *Toleration Act*, *Bill of Right*, dan *Petition of Right*. Akta-akta ini boleh dikaitkan dengan usaha mengukuhkan sistem raja berperlembagaan di England. Namun, sebahagian besar calon hanya menyatakan peranan raja berkuasa mutlak dan raja berpelembagaan tanpa membincangkan proses perkembangan sistem pemerintahan raja berpelembagaan di England dalam tempoh tersebut.

### Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kemajuan ekonomi kapitalisme yang dicapai oleh Amerika Syarikat pada abad ke-18 hingga abad ke-19. Jawapan calon yang baik ialah membincangkan pembentukan syarikat konglomerat, penubuhan institusi kewangan, dan perbankan serta kemajuan jaringan pengangkutan dan perhubungan bagi meluaskan pasaran. Namun begitu, jawapan calon yang lemah cenderung menjelaskan faktor kemajuan ekonomi tanpa menjelaskan senario kemajuan ekonomi kapitalisme di Amerika Syarikat. Terdapat juga calon hanya menghuraikan aspek ekonomi secara umum dan ada juga calon menghuraikan kapitalisme di England.

### Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menganalisis pemikiran Charles Montesquieu dari aspek politik. Sepatutnya calon, memberikan analisis pemikiran Charles Montesquieu dalam aspek politik dengan merujuk karya beliau dalam bidang politik. Beberapa idea besar pemikiran Montesquieu ialah konsep dan teori pengasingan kuasa, pembentukan tiga badan pentadbiran, konsep keseimbangan kuasa, bentuk kerajaan, ketaatsetiaan dan peranan warganegara. Namun begitu, ramai calon hanya membincangkan satu karya sahaja iaitu *The Spirit of the Laws* yang mengemukakan konsep pengasingan kuasa. Terdapat juga calon yang menghuraikan pemikiran Jean Jacques Rousseau di Perancis pada Zaman Pencerahan dan tidak membincangkan pemikiran Montesquieu.

### Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan faktor-faktor yang mendorong kebangkitan nasionalisme di India pada abad ke-19. Jawapan yang berkualiti perlu menghuraikan faktor seperti peranan pendidikan Barat dan bahasa Inggeris, peranan akhbar, perundangan, diskriminasi dalam perkhidmatan awam, perkembangan sistem pengangkutan dan diskriminasi ekonomi. Sebahagian besar calon hanya memberikan jawapan umum tanpa contoh yang jelas. Bagi calon yang kurang berpengetahuan lebih cenderung memberikan jawapan berkaitan faktor tercetusnya Dahagi 1857.

### Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sejauh mana Perjanjian Versailles menjadi faktor yang mencetuskan Perang Dunia Kedua. Calon sepatutnya, membincangkan syarat-syarat Perjanjian Versailles dengan lebih mendalam dan menyatakan faktor lain yang mencetuskan Perang Dunia Kedua. Faktor lain yang perlu dibincangkan ialah kebangkitan pengaruh parti Nazi yang dipimpin Adolf Hitler, kemunculan golongan berhaluan kiri, persaingan mendapatkan wilayah, dan kegagalan Liga Bangsa. Namun, calon yang berprestasi rendah tidak berupaya menghuraikan isi utama kandungan Perjanjian Versailles dengan lengkap tetapi hanya memfokuskan kepada faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua secara umum. Terdapat juga calon yang memberikan jawapan yang tidak relevan seperti membincangkan faktor tercetusnya Perang Dingin dan ada juga calon yang keliru dengan Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua.

# SEJARAH (940/2)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 21 505 calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 64.05% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon bagi setiap gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.21	3.83	7.81	8.03	12.90	11.20	15.07	3.97	3.60	3.35	25.13

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak mengetahui fakta yang dikehendaki oleh soalan.
- Calon memberikan jawapan yang mereka tahu tanpa memahami kehendak soalan.
- Calon tidak menguasai istilah dalam bidang sejarah dan politik seperti Pan Islamisme, *tajdid*, *ijtihad*, nasionalisme, dan negara bangsa.

### *Komen soalan demi soalan*

#### Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon membincangkan nilai kehidupan yang diamalkan dalam masyarakat Arab jahiliah. Keseluruhannya, prestasi calon kurang baik kerana sebahagian calon hanya mengulas nilai dan ciri negatif kehidupan masyarakat Arab jahiliah seperti, semangat *assabiyah* melampau, menghina kedudukan wanita, kepercayaan karut, amalan ekonomi yang negatif seperti tipu timbangan dan riba. Bahkan ramai calon hanya memberi ulasan tentang amalan agama dan kepercayaan masyarakat jahiliah. Calon sepatutnya, menerangkan nilai kehidupan positif yang diamalkan oleh masyarakat jahiliah seperti semangat *assabiyah* yang sederhana, iaitu, melindungi kepentingan kaum sendiri, kedudukan wanita yang dipandang tinggi, tegas mempertahankan hak, sifat *diyafah*, semangat perjuangan yang tinggi, budaya bersaing, nilai *muruah*, aktiviti ekonomi dan keusahawanan, berbakat kreatif seperti mahir bersyair dan bertukang, sikap mempertahankan tradisi, semangat syura dan lain-lain.

#### Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kepentingan Piagam Madinah dalam membentuk masyarakat yang harmoni pada zaman Nabi Muhammad SAW. Terdapat calon yang memberikan jawapan yang umum kerana tidak fokus kepada kehendak soalan iaitu menghuraikan kepentingan Piagam Madinah. Calon sepatutnya, menerangkan kepentingan Piagam Madinah dalam aspek politik seperti pengiktirafan Nabi Muhammad SAW sebagai ketua negara, pengekalan peranan syekh kabilah, amalan syura dalam pentadbiran dan lain-lain. Dalam aspek ekonomi, calon perlu memperihalkan pengharaman riba, kebebasan beragama, keadilan sosial, dan solidariti antara umat Islam dengan bukan Islam. Dalam aspek sosial, perpaduan umat menjadi dasar pemerintahan negara Islam Madinah. Dalam aspek keselamatan dan pertahanan negara, terdapat larangan berhubungan dengan musuh luar dan menjadi tanggungjawab rakyat mempertahankan negara.

### Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faktor yang menyumbang perkembangan aktiviti perdagangan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Jawapan calon yang baik ialah membincangkan faktor yang menyumbang kepada perkembangan aktiviti perdagangan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka seperti faktor geografi, peranan pemerintah dan kestabilan politik, pentadbiran pelabuhan termasuk Undang-undang Laut, pusat pengumpulan bahan mentah, kemudahan pelabuhan, pusat persinggahan para pedagang, keselamatan laluan perdagangan di Selat Melaka, hubungan diplomatik dan hegemoni politik kerajaan Melaka dalam wilayah serantau. Walau bagaimanapun, ada calon memberikan jawapan yang lemah kerana tidak mengaitkan faktor-faktor tersebut dengan perkembangan kepesatan aktiviti perdagangan di Melaka.

### Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kepentingan pelayaran dan penjelajahan Ibn Battutah kepada tamadun manusia. Calon sepatutnya menghuraikan kepentingan dari aspek psikologi iaitu, pencetus semangat baharu kepada pelaut dan pengembara lain. Manakala, dalam bidang geografi, Ibn Battutah memberi panduan kepada para pedagang Arab memilih pangkalan perdagangan yang strategik. Begitu juga beberapa perkara penting yang dipelajari daripada Ibn Battutah seperti tatacara hubungan diplomatik, menulis karya *Tuhfah al-Nazar* sebagai sumber rujukan dan diterjemah ke pelbagai bahasa dunia, catatan pengembaraan mengenai amalan agama, perbandingan kehidupan masyarakat sesebuah wilayah, panduan pelayaran, catatan perkembangan syiar Islam di China dan yang terakhir memperkenalkan kaedah baharu penulisan sejarah. Walau bagaimanapun, terdapat calon membincangkan sumbangan Ibn Battutah secara umum tanpa membincangkan aspek kepentingan sumbangan beliau,

### Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faktor peluasan kuasa Barat terhadap kerajaan Uthmaniyah pada abad ke-19 Masihi hingga awal abad ke-20 Masihi. Calon sepatutnya, membincangkan faktor seperti persaingan kuasa Barat, dinamika dasar hubungan antarabangsa yang agresif, konflik sempadan antara Uthmaniyah dengan Rusia, kelemahan pemerintahan Uthmaniyah, revolusi perindustrian di Eropah, keperluan bahan mentah, kepentingan Terusan Suez dan kecenderungan Barat memperkenalkan kapitalisme, pertembungan agama Islam dengan Kristian, percubaan kuasa Eropah mempengaruhi penduduk Kristian seperti persaingan Rusia dengan British sebagai wakil penasihat agama Kristian, faktor Persoalan Timur termasuk kemunduran umat Islam yang menjadi beban kepada orang putih, isu modenisasi, faktor kegagalan *tanzimat* (pembaharuan) termasuk dalam bidang pentadbiran, ketenteraan dan pemikiran serta faktor gerakan sekularisasi oleh golongan Turki Muda. Namum demikian, terdapat calon cuba menjawab soalan ini secara umum dan membincangkan perkara yang tidak relevan seperti faktor penglibatan Turki Uthmaniyyah dalam Perang Dunia Pertama.

### Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan peranan Sayyid Jamaluddin al-Afghani dalam gerakan Pan Islamisme. Calon sepatutnya, menerangkan peranan tokoh tersebut dalam gerakan Pan Islamisme (penyatuan umat Islam sejagat) termasuk gerakan *islah* dan *tajdid* (pembaharuan dalam amalan agama), gerakan Pan Islamisme sebagai reaksi terhadap penjajahan Barat di Mesir. Beliau juga membangkitkan peranan Khalifah Uthmaniyah sebagai penaung umat Islam sejagat, memperkenalkan idea Pan Islamisme melalui media massa seperti majalah *al-Manar al-Wuthqa*, mengasaskan *Misri al-Fatat* dan *Hizb al-Wataniyy al-Hurr* untuk menyemai semangat kebangsaan Mesir, mendokong gerakan penentangan terhadap penjajah Barat termasuk gerakan Urabi Pasha di Mesir, dan terakhir memperkasakan pendidikan Islam di kalangan penduduk Mesir. Walau bagaimanapun terdapat calon tidak memahami konsep Pan Islamisme dan memberikan hujahan jawapan yang tidak relevan.

# SEJARAH (940/3)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 21 292 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 57.01% daripadanya telah lulus penuh.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	13.19	2.88	3.45	4.51	9.51	11.79	11.68	5.87	5.19	5.45	26.47

## RESPONS CALON

### *Komen am*

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah sederhana. Terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Calon tidak mengetahui fakta yang dikehendaki oleh soalan.
- Calon memberikan jawapan yang mereka tahu tanpa memahami kehendak soalan.
- Calon tidak menguasai istilah dalam bidang sejarah dan politik seperti pembinaan negara bangsa dan pemerintahan Persekutuan Malaysia.

### *Komen soalan demi soalan*

#### Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perbezaan antara Adat Perpatih dengan Adat Temenggung yang diamalkan di negeri-negeri Melayu sebelum campur tangan British pada tahun 1874. Keseluruhannya, prestasi calon adalah baik kerana sebahagian calon berjaya membincangkan perbezaan antara kedua-dua adat tersebut. Walau bagaimanapun, ada calon yang menghuraikan Adat Perpatih dan Adat Temenggung tanpa membincangkan perbezaan antara kedua-duanya. Calon sepatutnya, membincangkan perbezaan Adat Perpatih dengan Adat Temenggung dalam pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, sosial, dan undang-undang.

#### Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kewujudan masyarakat pelbagai kaum di Sabah dari abad ke-19 hingga abad ke-20. Terdapat calon yang memberikan jawapan yang umum tentang kewujudan masyarakat pelbagai kaum di Sabah. Maksud jawapan yang umum ialah calon menyatakan jenis kaum di Sabah sahaja tanpa menghuraikan kewujudan pelbagai kaum di Sabah dari abad ke-19 hingga abad ke-20. Calon sepatutnya, menghuraikan sejarah kewujudan pelbagai kaum menurut perspektif sejarah, misalnya, kaum Cina yang berhijrah ke Sabah akibat perkembangan sektor industri pertanian seperti getah dan tembakau. Begitu juga dengan masyarakat India yang terlibat dalam sektor pentadbiran dan perkhidmatan. Selain itu, kewujudan kaum pribumi, Filipina, dan Indonesia juga perlu dibincangkan.

### Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan bentuk pemerintahan Persekutuan di Malaysia sejak tahun 1948. Prestasi jawapan calon kurang baik kerana kebanyakan calon menyatakan secara umum pemerintahan Malaysia dan tidak membincangkan bentuk pemerintahan yang diamalkan semenjak tahun 1948. Calon sepatutnya, menghuraikan bentuk pemerintahan di Malaysia semenjak Persekutuan Tanah Melayu 1948, Persekutuan Tanah Melayu 1957, dan Persekutuan Malaysia 1963. Calon juga perlu merumuskan bentuk pemerintahan Persekutuan yang diamalkan di Malaysia adalah unik kerana gabungan negeri-negeri yang membentuk Persekutuan bertahan sehingga kini.

### Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan pembesar di Vietnam sebelum campur tangan Perancis pada tahun 1884. Calon perlu membincangkan peranan golongan pembesar yang terdapat dalam pelbagai kategori seperti golongan sarjana iaitu Mandarin yang berstatus tinggi dalam masyarakat Vietnam. Peranan pembesar dalam bidang pentadbiran juga perlu dibincangkan seperti pembesar di peringkat pusat, daerah, dan kampung. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana dapat membincangkan peranan pembesar Vietnam yang memiliki hierarki tersendiri dan mempunyai bidang kuasa pentadbiran yang berbeza.

### Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kesan penjajahan British terhadap sistem pentadbiran Myanmar pada abad ke-19. Calon sepatutnya, menghuraikan transformasi yang dilaksanakan penjajah British terhadap sistem pentadbiran Myanmar pada abad tersebut. Transformasi pentadbiran yang terlibat ialah penghapusan sistem monarki dan pentadbiran tradisional Myanmar, pelaksanaan sistem pentadbiran yang bermodelkan pentadbiran British di India, dan penubuhan Dewan Perundangan. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang tidak relevan dengan kehendak soalan iaitu menghuraikan kesan pentadbiran British di Tanah Melayu.

### Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sumbangan Phibun Songkram terhadap pembinaan negara bangsa di Thailand dari tahun 1938 hingga tahun 1957. Calon sepatutnya, membincangkan usaha Phibun Songkram semasa menjadi Perdana Menteri Thailand dari tahun 1938 hingga 1944 dan menjadi pemimpin diktator ketenteraan dari tahun 1948 hingga tahun 1957. Dalam bidang politik, Phibun Songkram memperkenalkan dasar dalam dan luar negeri yang efektif untuk menaikkan imej Thailand serta mengukuhkan semangat nasionalisme rakyat Thai. Dalam bidang ekonomi, beliau berjaya membentuk dan melaksanakan dasar ekonomi domestik dan ekonomi antarabangsa yang progresif. Dalam bidang sosial, Phibun Songkram memperkasakan identiti Thai dalam kalangan penduduk Thailand. Secara umum calon dapat memahami kehendak soalan tetapi ada calon yang kurang berjaya mengaitkan usaha Phibun Songkram dalam pembinaan negara bangsa.



# LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2021



**SASBADI SDN. BHD.** 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,  
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: [www.sasbadisb.com](http://www.sasbadisb.com) E-mel: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

Laman web: [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my) E-mel: [ppa@mpm.edu.my](mailto:ppa@mpm.edu.my)